

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

PERINGATAN: Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) adalah diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat- di bawah yang boleh didapati di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Jika Pelanggan Yang Layak tidak faham sebarang terma dan syarat di sini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1. Definisi

1.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditetapkan kepadanya melainkan konteks memerlukan sebaliknya:

“Kumpulan AmBank” merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada “Kumpulan AmBank” dalam terma dan syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“Saudagar” merujuk kepada pelanggan saudagar yang baru menyertai Pelanggan Saudagar di bawah Perbankan Runcit semasa tempoh kempen.

“BCA/BCA-i” merujuk kepada Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i yang dibuka untuk Pelanggan Saudagar baru sahaja.

“Akaun Penyelesaian Pelanggan Saudagar” merujuk kepada BCA/BCA-i yang didaftarkan untuk penyelesaian pembayaran transaksi kad.

“Baki Purata Bulanan (BPB)” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian deposit dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan Saudagar Yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang sama.

“Bank” merujuk kepada **AmBank (M) Berhad (‘AmBank’)** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan **AmBank Islamic Berhad (‘AmBank Islamic’)** [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“Perbankan Runcit” merujuk kepada perbankan runcit yang digunapakai untuk Pelanggan Bukan Individu sahaja.

“Kempen” merujuk kepada “Kempen Deposit Pelanggan Saudagar” yang dianjurkan oleh Bank selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan di dalam ini.

“Notis Terlebih Dahulu” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari berkerja dan dipaparkan di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.

Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga akan merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan neuter.

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

1.2 Istilah **“Perbadanan Bersekutu”** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah **“Syarikat Yang Berkaitan”** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

2. Tempoh Kempen

2.1 Kempen ini akan bermula dari **1 Februari 2021 dan tamat pada 31 Julai 2021** (merangkumi kedua-dua tarikh tersebut) (**“Tempoh Kempen”**) atau apa-apa tempoh lain seperti yang ditentukan dengan Notis Terlebih Dahulu oleh Bank.

3. Kelayakan

3.1 Kempen dibuka kepada semua pelanggan saudagar (**“Pelanggan Yang Layak”**) yang baru menyertai semasa Tempoh Kempen.

3.2 Kempen ini hanya terbuka untuk BCA/BCA-i yang ditandakan untuk Akaun Penyelesaian Saudagar sahaja.

3.3 Kategori berikut adalah **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

(a) Pelanggan individu

(b) Pekerja tetap dan/atau kontrak AmBank (M) Berhad dan AmBank Islamic Berhad serta ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak dan ibu bapa).

(c) Wakil, penjual dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) Kumpulan AmBank (termasuk Syarikat Berkaitan mereka masing-masing) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (pasangan, anak dan ibu bapa).

4. Mekanisme Kempen

4.1 Pelanggan Yang Layak mesti mengekalkan Baki Purata Bulanan (BPB) minimum sebanyak RM200,000 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) di dalam Akaun Penyelesaian Saudagar dari tarikh penyertaan Pelanggan Yang Layak selama tiga (3) bulan dalam setiap kumpulan.

4.2 Pelanggan Yang Layak yang memenuhi kriteria dalam klausa 4.1 di atas akan layak untuk di pilih sebagai pemenang dari setiap kumpulan.

4.3 Pelanggan Yang Layak yang terpilih akan melalui proses pemilihan pemenang setelah tarikh tamat tempoh penyertaan setiap kumpulan.

4.4 Butiran digambarkan dalam Jadual 1 di bawah:

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

Jadual 1

Kumpulan	Penyertaan oleh Pelanggan Yang Layak	Tempoh 3 bulan	Minimum	Tarikh Tamat Tempoh
1	1 Februari 2021 – 28 Februari 2021	1 Mac 2021 – 31 Mei 2021	RM200,000	31 Mei 2021
2	1 Mac 2021 – 31 Mac 2021	1 April 2021 – 30 Jun 2021	RM200,000	30 Jun 2021
3	1 April 2021 – 30 April 2021	1 Mei 2021 – 31 Julai 2021	RM200,000	31 Julai 2021
4	1 Mei 2021 – 31 Mei 2021	1 Jun 2021 – 31 Ogos 2021	RM200,000	31 Ogos 2021
5	1 Jun 2021 – 30 Jun 2021	1 Julai 2021 – 30 September 2021	RM200,000	30 September 2021
6	1 Julai 2021 – 31 Julai 2021	1 Ogos 2021 – 31 October 2021	RM200,000	31 October 2021

5. Hadiah

5.1 Terdapat lima (5) pemenang akan ditentukan dari setiap kumpulan. Setiap pemenang dari setiap kumpulan akan menerima hadiah wang tunai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) (**Hadiah Kumpulan**) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Kumpulan	Bilangan Pemenang	Hadiah
1	5	RM5,000 setiap seorang
2	5	RM5,000 setiap seorang
3	5	RM5,000 setiap seorang
4	5	RM5,000 setiap seorang
5	5	RM5,000 setiap seorang
6	5	RM5,000 setiap seorang

5.2 Setiap pemenang hanya dibenarkan memenangi satu (1) Hadiah Kumpulan.

5.3 Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau jenis lain.

6. Pemilihan Pemenang

6.1 Sistem Bank akan memberikan nombor siri yang unik kepada setiap Pelanggan Yang Layak dari setiap kumpulan selama Tempoh Kempen, yang kemudian digunakan untuk menyusun semua Pelanggan Yang Layak dalam turutan menaik. Susulan kepada ini, setiap Pelanggan Yang Layak kemudiannya dinomborkan secara berurutan bermula dari 1 untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Berurutan**").

6.2 Jumlah Pelanggan Yang Layak kemudian akan dibahagi dengan sepuluh (10) untuk mengembalikan nilai pengganda untuk senarai pendek lima (5) Pelanggan Yang Layak dari setiap kumpulan untuk Hadiah Kumpulan ("**Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi**").

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

Contoh:

Sejumlah 200 Pelanggan Yang Layak dibahagi dengan 10 untuk mengembalikan nilai pengganda 20, yang bermaksud bahawa Pelanggan Yang Layak ke 20 dan gandaannya, iaitu nombor siri 40, 60 hingga 200 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi.

- 6.3 Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan paling rendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang dirakam ("**S&J Telefon**") di nombor telefon bimbit mereka yang tersimpan dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), dalam masa dua belas (12) minggu dari Tarikh Tamat Tempoh setiap kumpulan, mengikut budi bicara Bank.
- 6.4 Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Kumpulan. Pihak Bank akan melakukan tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi dalam hari yang sama. Sekiranya percubaan kontak pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor telefon bimbit tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan pada waktu yang tersedia seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendek akan dibatalkan untuk memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi seterusnya dengan Nombor Berurutan terendah dari senarai Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk berpeluang memenangi Hadiah Kumpulan.
- 6.5 Sekiranya Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendekkan itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Kumpulan.
- 6.6 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak adanya Pemenang Hadiah Kumpulan Berpotensi tersebut pada tarikh dan waktu yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.
- 7. Pemenang Hadiah**
- 7.1 Pihak Bank akan memaklumkan pemenang hadiah melalui SMS/telefon/surat elektronik/surat/dan lain-lain berdasarkan butir-butir hubungan mereka yang dikekalkan dalam sistem Bank. Walau apa pun yang disebut di atas, Bank berhak untuk menggunakan mana-mana saluran atau kaedah lain, termasuk laman sesawang Bank di www.ambank.com.my sebagaimana yang difikirkan sesuai untuk tujuan mengumumkan pemenang.
- 7.2 Keputusan semua pemenang akan diumumkan dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat tempoh untuk pengiraan pemenang bagi setiap kumpulan

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

- 7.3 Semua pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri apabila diperlukan seperti yang diberitahu oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau surat elektronik berhubung dengan tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi pemenang. Jika pemenang gagal dihubungi selepas percubaan ini, pihak Bank tidak akan membuat percubaan lagi untuk menghubungi pemenang atau jika pemenang berjaya dihubungi tetapi gagal menghadiri majlis dan/atau program sedemikian tanpa sebab yang sah, Bank berhak untuk membatalkan hadiah pemenang dan memilih Pelanggan Yang Layak yang Disenarai Pendek seterusnya melalui S&J sebagai pemenang baru yang seterusnya.
- 7.4 Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam BCA/BCA-i setiap pemenang yang ditandakan sebagai Akaun Penyelesaian Saudagar masing-masing.

8. Hilang Kelayakan

- 8.1 Bank berhak membatalkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan Yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa perlu memberitahu Pelanggan Yang Layak sekiranya:
- a) Transaksi perbankan yang dipilih diterima sebelum dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
 - b) BCA/BCA-i Pelanggan Yang Layak yang ditandakan sebagai Akaun Penyelesaian Saudagar memungkirinya kemudahan pinjaman/ pembiayaan yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
 - c) BCA/BCA-i Pelanggan Yang Layak yang didaftarkan sebagai Akaun Penyelesaian Saudagar ditutup sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
 - d) Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, menipu atau tidak bertindak dengan niat baik dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
 - e) Pelanggan Yang Layak telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

9. Umum

- 9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang sedia ada di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>.
- a) Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan
 - b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (terpakai bagi akaun BCA-i sahaja).

Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemaskini atau terma-terma dan syarat-syarat terkini, jika ada.

- 9.2 Keputusan Bank tentang semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah terikat dan muktamad dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
- 9.3 Semua terma- dan syarat- yang dinyatakan di dalam ini ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang akan dimulakan dan didengar di mahkamah di Kuala Lumpur.

**Terma dan Syarat Kempen Deposit Saudagar
(1 Februari 2021 – 31 Julai 2021)**

- 9.4 Bank tidak akan bertanggungjawab pada mana-mana Pelanggan Yang Layak di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana penyertaan Pelanggan Yang Layak di dalam Kempen ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja dari pihak Bank.
- 9.5 Bank mempunyai hak untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan Kempen pada bila-bila masa dengan memberikan Notis Terlebih Dahulu di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.
- 9.6 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma- dan syarat- yang dinyatakan secara khusus, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Kempen sebagaimana yang difikirkan sesuai dengan Notis Terlebih Dahulu. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis yang akan diberikan kepada Pelanggan Yang Layak untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung dari perubahan, pengubahan, penghapusan, penambahan atau pengubahan terma- dan syarat- di dalamnya melainkan jika ianya semata-mata disebabkan oleh kecuaiian dan/atau kegagalan kasar Bank.
- 9.7 Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak akan memberi hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan.
- 9.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Yang Layak untuk apa-apa percukaian berhubung dengan semua jenis hadiah, kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang atau keuntungan perniagaan) yang disebabkan oleh keadaan tidak normal dan tidak dapat dijangka di luar kawalan munasabah Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kemalangan, tindakan keganasan, kerosakan jentera, kekecohan awam, kebakaran, pertikaian industri, kerusuhan buruh, penguncian, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), atau sistem pemprosesan data, elektrik, sistem telekomunikasi atau kegagalan pautan penghantaran.
- 9.9 Versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini juga tersedia ada. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.
- 9.10 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Korporat Bank dari jam 8.45 pagi hingga jam 5.45 petang (Isnin hingga Khamis) dan 8.45 pagi hingga jam 4.45 petang (Jumaat) di talian 03-2178 3188 atau e-mel kepada e-ambizcare@ambankgroup.com.